

# Technofit rancang bina loji tenaga biojisim

Oleh [Alzahrin Alias](#) - Januari 5, 2022 @ 3:17pm

[zahrin@bh.com.my](mailto:zahrin@bh.com.my)



Pengarah Urusan Kumpulan Technofit, Datuk Mohd Izuddin Mohd Ilias (kanan) dan Pengarah Technofit, Zulkifli Kamarudin pada majlis perasmian Ruang Pameran Technofit di Kuala Lumpur, hari ini - NSTP/Amirudin Sahib

KUALA LUMPUR: Syarikat kejuruteraan tempatan, Technofit Sdn Bhd bercadang untuk membina loji tenaga biojisim dalam usahanya mencebur segmen tenaga boleh diperbaharui di negara ini.

Pengarah Urusan Kumpulan Technofit, Datuk Mohd Izuddin Mohd Ilias, berkata cadangan itu adalah sebahagian usaha syarikat mempelbagaikan perniagaan dengan memasuki segmen tenaga boleh diperbaharui negara dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Technofit, katanya masih lagi dalam peringkat awal rundingan bersama dengan beberapa rakan kongsi strategik mengenai pembinaan loji tenaga biojisim itu.

"Pelan pengembangan kumpulan untuk membina loji jana kuasa tenaga boleh diperbaharui mendapat maklum balas yang baik daripada pelabur dan rakan kerjasama potensi.

"Kumpulan yakin satu kerjasama dapat dicapai pada suku pertama tahun ini sebelum memulakan proses yang lebih lengkap merangkumi pelaburan dan kapasiti tenaga. Kami menjangkakan loji tenaga biojisim ini dapat direalisasikan dalam tempoh dua hingga tiga tahun akan datang," katanya selepas merasmikan Ruang Pameran Technofit Synergy Sdn Bhd di sini, hari ini.

Mohd Izuddin berkata, Technofit yakin dapat melaksanakan loji tenaga itu berdasarkan kepada pengalaman dan kepakaran yang dimiliki kumpulan dalam kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pengoperasian (EPCC) serta penyenggaraan, pambaikan dan baik pulih (MRO) sektor tenaga di Malaysia.

"Perniagaan teras kumpulan ketika ini adalah dalam EPCC dan MRO sektor tenaga serta minyak dan gas.

Kami mempunyai tenaga kerja berkemahiran tinggi serta pengetahuan yang luas, memungkinkan kejayaan dalam loji tenaga biojisim ini," katanya.

Mengulas lanjut, Mohd Izuddin berkata, pelaksanaan loji tenaga itu juga akan menyumbang kepada peningkatan pendapatan kumpulan di masa hadapan.

Beliau berkata, pada tahun ini kumpulan menyasarkan memperoleh pendapatan sebanyak RM150 juta berdasarkan kontrak dalam tangannya bagi kerja-kerja EPCC dan MRO.

Technofit juga, katanya akan terus menghantar tender kepada beberapa projek baharu terutama dalam sektor tenaga bagi mengukuhkan lagi kedudukan kewangannya.